

Gagal pamer harga tomyam udang

Pengusaha kedai makan dikompaun apabila jual tomyam udang pada harga RM30

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenakan kompaun terhadap seorang pengusaha kedai makan di Pantai Cahaya Bulan (PCB) selepas didapati gagal mempamerkan tanda harga tomyam udang di kedainya.

Wanita berusia 50-an itu dikenakan tindakan dalam operasi pada jam 5 petang kelmarin kerana mengenakan harga RM30 untuk tomyam udang kepada pelanggannya.

Ketua Pegawai Penguat kua-




Peniaga wanita (kanan) yang disiasat KPDNHEP sebelum dikenakan kompaun kerana gagal pamer tanda harga terhadap tomyam udang yang dijual dengan harga RM30 di Pantai Cahaya Bulan kelmarin.

sa KPDNHEP negeri, Azanizam Affendi Juri berkata, KPDNHEP menerima aduan daripada netizen di media sosial berhubung sebuah kedai makan di PCB yang mengenakan harga makanan berjumlah RM91 termasuk tomyam udang kepada dua pelanggan.

“Peniaga tersebut turut

memberi alasan saiz makanan laut itu yang agak besar bagaimanapun, peniaga berkenaan melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, peniaga itu mengaku melakukan kesalahan



Senarai harga makanan termasuk tomyam udang RM30 yang dikenakan kepada pelanggan di sebuah kedai makan di Pantai Cahaya Bulan tular di media sosial.

tersebut dan menjelaskan kompaun.

Katanya, operasi diketuai Penolong Pegawai Penguat kuasa Kanan, Nizam Salleh bersama tiga pegawai.

Kelmarin tular di Facebook apabila pelanggan kedai itu memuat naik senarai harga makanan yang didakwa mahal dan

tidak munasabah.

Catatan tertera tomyam udang 2 - RM30; sotong kunyit 2 - RM30; KIM (kailan ikan masin) 1 - RM5; NP (nasi putih) 3 - RM6; minuman - RM14 dan satu lagi menu RM6.

Azanizam berkata, pemeriksaan KPDNHEP bagaimanapun mendapati hanya kedai makan tertentu di PCB yang gagal mempamerkan tanda harga.

“Kita bekerjasama dengan kerajaan negeri melaksanakan Op Indah sempena Tahun Melawat Malaysia bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang dan melindungi hak pengguna.

“Empat lokasi tumpuan pelancong yang menjadi fokus kami termasuk PCB, Pengkalan Kubor Tumpat, Kampung Kraf Tangan Kota Bharu dan Gunung Stong Dabong, Kuala Krai.

“Saya mohon semua peniaga patuh arahan pihak berkuasa kerana tidak mahu perkara sebegini menjadikan pelancongan di negeri ini,” kata beliau.

HARI :	SELASA
TARIKH :	10/3/2020
M/SURAT :	30